



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu Epid 36/2009 (6 hingga 12 September 2009)

Bagi tempoh 6 hingga 12 September 2009, sejumlah 478 kes demam denggi dan tiada kematian telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan. Jumlah ini meningkat sebanyak 68 (17%) kes jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya iaitu 410 kes. Sebanyak 9 negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu ini berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu, Negeri Pahang 83%, Sarawak 67%, Sabah 67%, Kedah 43%, Terengganu 38%, WPKL dan Putrajaya 33%, Melaka 11%, Selangor 6% dan Pulau Pinang 4%. Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 ialah 30,588 kes dengan 69 kematian berbanding 31,806 kes dengan 71 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2008 (Lampiran A).

Sehingga 12 September 2009, terdapat 24 lokaliti 'hot spot' dilaporkan. Sebanyak 2 lokaliti telah bebas 'hot spot' tetapi terdapat tambahan 2 lokaliti 'hot spot baru' pada minggu ini (Lampiran C, D dan E). Enam puluh tiga peratus (63%) iaitu 15 dari 24 lokaliti 'hot spot' ini, mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi dan berrisiko untuk jangkitan Demam Denggi (Lampiran F).

Pada minggu ini, 57% atau 601 dari 1,049 premis yang positif pembiakan *Aedes* merupakan rumah kediaman yang mana pembiakan majoriti dijumpai di luar rumah. Jenis tempat pembiakan yang ditemui adalah bekas plastik (34%), tayar (24%), alas pasu bunga (13%), tong cat (11%), dan tin kosong (5%). Bekas-bekas terbuang ini perlu

dilupuskan secara teratur samada membuangnya ditempat perlupusan sampah yang disediakan atau dikambus didalam tanah.

Aktiviti gotong royong bagi tujuan menghapuskan punca pembiakan *Aedes* merosot semenjak 2 minggu kebelakang ini. Perbandingan bagi tempoh 2 hingga 15 Ogos (sebelum bulan puasa) dan 23 Ogos hingga 5 September 2009 (semasa bulan puasa) menunjukkan pengurangan aktiviti ini sebanyak 30%. Oleh itu, masyarakat disarankan agar mempergiatkan aktiviti gotong-royong, terutama di kawasan persekitaran yang banyak sampah atau kotor dan berpotensi untuk tempat pembiakan *Aedes* agar dapat menghalang penularan jangkitan demam denggi.

Sejumlah 290 kompaun bernilai RM50,733 dan 338 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan pada minggu epid 36 melalui tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 18 kes telah dilaporkan dengan peningkatan 2 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 16 kes. Terdapat dua negeri yang menunjukkan peningkatan kes pada minggu ini iaitu Sarawak (4 kes) dan Pahang (1 kes). Bagaimanapun, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di lampiran B.

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang hampir tiba, ramai warga kota yang akan balik beraya di kampung dalam jangka masa seminggu atau lebih. Oleh itu, mereka disaran agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pembiakan *Aedes* yang ditinggalkan di rumah mereka bagi memastikan pembiakan nyamuk *Aedes* tidak

berlaku. Jika bekas tersebut adalah takungan air yang besar dan kekal contohnya tangki air atau kolah mandi maka perlu di bubuh ubat pembunuh jentik-jentik seperti Abate. Bagi mereka yang mengalami demam dapatkan rawatan awal di klinik berhampiran, kerana demam denggi berpotensi menyebabkan komplikasi yang boleh membahayakan nyawa pesakit. Utamakan kesihatan anda walau di mana pun anda berada.

“ Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Dan Batin ”

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 September 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 36/2009  
(6 - 12 September 2009)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga Minggu 36/2009	Jumlah Kes Sehingga Minggu 36/2008
		Minggu 36/09 (6 - 12 September)	Minggu 35/09 (30 Ogos - 5 September)		
1.	Perlis	0	1	161	109
2.	Kedah	10	7	613	929
3.	P. Pinang	29	28	1,926	1,282 (1)
4.	Perak	22	22	2,431	2,582 (1)
5.	Selangor	188	178	15,040 (44)	13,507 (31)
6.	WPKL & Putrajaya	52	39	2,892 (8)	3,708 (8)
7.	N. Sembilan	9	10	670 (5)	965 (1)
8.	Melaka	20	18	610 (2)	612 (1)
9.	Johor	26	28 (1)	1,880 (3)	2,564 (13)
10.	Pahang	11	6	655 (2)	836
11.	Terengganu	11	8	738	1,242 (3)
12.	Kelantan	10	11	873 (1)	1,750 (9)
13.	Sarawak	55	33	1,317	894
14.	Sabah	35	21	760 (3)	767 (2)
15.	WP Labuan	0	0	22	59 (1)
	<b>Jumlah</b>	<b>478 (0)</b>	<b>410 (1)</b>	<b>30,588 (69)</b>	<b>31,806 (71)</b>

Nota:

( ) Kematian

Disedia oleh: PPKP Hj Abu Bakar Kassim

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 36 DAN 35 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 36 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 36 (6 – 12 September 2009)	Minggu 35 (30 Ogos – 9 September 2009)		
1	Perlis	0	0	33	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	3	5	316	6
4	Perak	0	0	401	590
5	Selangor	0	1	415	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	93	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	1	1	153	1,846
10	Pahang	1	0	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	3	4	424	135
13	Sarawak	10	6	366	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>18</b>	<b>16</b>	<b>3,150</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 12 September 2009 (Mg 36)

Bil	Negeri	Daerah/Zon /PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt. Caves (Zon 3)	26	74
2	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Bolton	9	72
3	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	14	68
4	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Pandang	8	59
5	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon A)	8	56
6	SELANGOR	MPSJ	Taman Tasik Prima 3	10	47
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman SUNTEX	6	43
8	SELANGOR	Hulu Langat	Kg. Baru Cina Semenyih	8	42
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C)	5	40
10	SELANGOR	Gombak	Taman Sunway Bt Caves (Episod 4)	4	46
11	SELANGOR	MPSJ	UPM	5	37
12	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B) Eps. 2	16	36
13	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang fasa 2	4	33
14	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Sek 4 PJU 5	7	31
15	SELANGOR	MPSJ	PJS 7/15 (Pangsa)	7	30
16	WPKL	Setapak	Setapak Jaya ( Kediaman siswa jaya)	20	66
17	WPKL	Klang Lama	Kondo Rakyat	7	57
18	WPKL	Kepong	Taman Sri Kuching	5	39
19	WPKL	Setapak	Taman Danau Kota Jln. 2/23B-15/23B	7	38
20	PERAK	MB.Ipoh	Taman Cempaka	8	38
21	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana Mukim Pelentong	22	68
22	JOHOR	MPPG	Taman Scientex-Helang	11	62
23	JOHOR	MPPG	Taman Cahaya Masai Delima	9	42
24	JOHOR	MPPG	Flat SEDC 1-12	6	37

**Lampiran D****SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 36 (06 - 12 September 2009)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tamat Pada</b>
1	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang fasa 2	4	16.09.09
2	SELANGOR	MPSJ	PJS 7/15 (Pangsa)	7	13.09.09

**Lampiran E****SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 36 (06 - 12 September 2009)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Bakti (Zon A)	19	70
2	SARAWAK	Bau	Kg Pisa Krokong	6	39

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-36**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jumlah bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	Selangor	Gombak	Taman Pinggiran Batu Caves (Zon 3) Episod 2	3.0%	3
2	Selangor	Gombak	Taman Industri Bolton	4.4%	4
3	Selangor	Gombak	Kg. Selayang Pandang	1.6%	2
4	Selangor	Gombak	Taman Sunway Bt. Caves (Episod 4)	2.9%	3
5	Selangor	Hulu Langat	Taman SUNTEX	3.7%	4
6	Selangor	Hulu Langat	Kg. Baru Cina Semenyih	8.3%	8
7	Selangor	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C) Episod 2	2.8%	3
8	Selangor	MPAJ	Taman Bakti (Zon A) Episod 1	4.9%	5
9	Selangor	MPSJ	Taman Tasik Prima 3	3.1%	3
10	WPKL	Setapak	Setapak Jaya (Kediaman Siswa-Jaya)	4.0%	4
11	WPKL	Setapak	Tmn. Danau Kota B (Jln 2/23B - Jln 15/23B)	16.1%	16
12	Johor	MPPG	Taman Cahaya-Masai Delima	1.0%	1
13	Johor	MPPG	Taman Scientex-Helang	2.8%	3
14	Johor	MPPG	Flat Taman Cendana, Mukim Plentong	5.8%	6
15	Johor	MPPG	Flat SEDC 1-12	1.2%	1